

## Kanun Tanah Negara

BORANG 6A  
(Seksyen 97 dan 98 )

## NOTIS TUNTUTAN : TUNGGAKAN SEWA

Kepada **HAJI SAID BIN HAJI SULTAN NO.K/P:- 1/2 BAHAGIAN, TANADA BIN HAJI SULTAN NO.K/P:- 1/2 BAHAGIAN.**

Yang beralamat di -

Bahawasanya sewa yang di kenakan bagi tanah/~~tanah-tanah~~ tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum di bayar dan, mulai 01 hb Jun ,adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh **TIGA (3) BULAN** dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di **PEJABAT DAERAH DAN TANAH HULU SELANGOR** segala jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ke tiga (3) hingga enam (6) dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika \*jumlah/~~mana-mana~~ daripada jumlah yang dinyatakan diruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh **TIGA (3) bulan** yang tersebut itu maka saya bertandatangan dibawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengistiharkan dengan jalan perintah \*tanah/~~tanah-tanah~~ berkenaan itu dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh pada.....11.....haribulan.....Disember....., 20.....22

.....  
Pentadbir Tanah Hulu Selangor  
Daerah Hulu Selangor



## JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN

Perihal & No. Hakmilik	No. *Lot/Pt	Sewa tahun ini	Tunggakan dari tahun-tahun yang lepas	Fee-Fee ,dll., yang dikenakan sebagai sewa	Tunggakan Fee/ Fee-fee	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
MUKIM BATANG KALI	LOT	2022	1999 – 2021	NOTIS 6A	DENDA LEWAT	
GM 837	1153	RM 33.00	RM 1,264.00	RM 20.00	RM 7,575.70	RM 8,892.70

(Sila lihat sebelah)

TAMBAHAN

Kepada  
yang beralamat di

\* Pemegang gadaian/Pemajak/Pemajak Kecil/Tenan/Pemegang lien/Kaveator/Pemegang esmen.

Sekiranya kamu ada sebab mempercayai bahawa tuanpunya bagi tanah yang diadualkan di atas dalam mana kamu mempunyai atau menuntut sesuatu kepentingan akan mungkir daripada membayar wang-wang yang sekarang ini ditetapkan sebagai kena dibayar, maka kamu boleh mengelakkan pelucuthakan tanah tersebut dengan membayar sepenuhnya kepada Pentadbir Tanah, dalam tempoh yang dinyatakan, jumlah yang dinyatakan berkenaan dengan tanah itu.

Dan ambil perhatian bahawa (tanpa menjejaskan apa-apa hak dibawah seksyen itu untuk mendakwa tuanpunya itu secara terus), hak-hak istimewa yang berikut untuk mendapat balik bayaran-bayaran wujud menurut kuasa peruntukan-peruntukan seksyen 98 Kanun Tanah Negara--

- (a) apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh pemegang gadaian hendaklah ditambahkan kepada bayaran yang pertama yang kemudiannya kena dibayar atas gadaian itu;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh pemajak, pemajak kecil ataupun tenan boleh didapatkan balik dengan memotong amaun itu daripada apa-apa sewa yang pada masa itu atau kemudiannya kena dibayar olehnya kepada tuanpunya tanah itu atau kepada sesiapa yang memegang tanah itu;
- (c) mana-mana pemajak, pemajak kecil atau tenan yang menanggung apa-apa tanggungan tambahan atau dialami apa-apa potongan di bawah seksyen itu boleh mendapat balik amaun yang ditanggung atau dipotong itu dengan membuat potongan yang bersamaan daripada amaun sewa yang kena dibayar olehnya.

Bertarikh pada...11.....haribulan...Ogos....., 20...22..

.....  
Pentadbir Tanah (Hulu Selangor)  
Daerah Hulu Selangor



\*Potong sebagaimana yang sesuai

[Borang ini diterjemahkan oleh Peguam Negara Malaysia. menurut Pemberitahuan Undangan No.12 Tahun 1964-A.G 3309 S.F. 1; P.T. TM, 5/65(4).]

L-J.P.N..K.L.